

PEMBAHARUAN DALAM PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR SEPANJANG TEMPOH PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL SAMAD DI JUGRA, 1857-1898.

*(REFORM IN THE STATE OF SELANGOR ADMINISTRATION DURING
THE REIGN OF SULTAN ABDUL SAMAD AT JUGRA, 1857-1898)*

Noorjannah Adam & Adnan Jusoh

Abstrak

Objektif makalah ini adalah untuk membincangkan pembaharuan dalam pentadbiran negeri Selangor sepanjang tempoh pemerintahan Sultan Abdul Samad di Jugra. Nama Jugra menjadi masyhur dan berperanan penting sebagai pusat pertemuan semasa pemerintahan Almarhum Sultan Abdul Samad. Jugra juga mencapai zaman moden di bawah pentadbiran baginda dengan terbinanya pelbagai infrastruktur seperti sekolah, pejabat daerah, penjara, pusat kesihatan dan sebagainya. Namun peranan Jugra sebagai bandar diraja semakin dilupakan setelah kemangkatan baginda. Kesan daripada keadaan tersebut sebahagian besar daripada monumen bersejarah yang terdapat dalam kawasan Jugra mengalami keuzuran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kepada analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan Sultan Abdul Samad adalah seorang pemimpin yang bergiat aktif dalam pentadbiran dan menyumbang idea untuk kepentingan negeri Selangor khususnya di Jugra. Hal ini dibuktikan dengan tindakan baginda menerima campur tangan British dalam negeri Selangor, keputusan tersebut ternyata telah membawa perubahan besar dalam perkembangan infrastruktur di Jugra. Secara keseluruhannya kajian ini adalah penting untuk menonjolkan peranan yang diamainkan oleh Sultan Abdul Samad sepanjang menerajui pentadbiran Selangor dengan memberi tumpuan kepada Jugra. Kajian ini memberi sumbangan yang bermakna kepada perkembangan Jugra sebagai sebuah bandar bersejarah. Melalui kajian ini masyarakat tempatan akan lebih memahami peranan Almarhum Sultan Abdul Samad dalam sejarah kegemilangan Jugra.

Kata Kunci: Sultan Abdul Samad, Tengku Kudin, Jugra, Residen British

Abstract

The objective of this research was to discuss reform in the Selangor administration during the reign of Sultan Abdul Samad at Jugra. The name of Jugra became popular and played an important role as a meeting center during Almarhum Sultan Abdul Samad reign. Under his administration Jugra also reached modern times with the various of facilities such as schools, district offices, prisons and health centers. Jugra's role began to change as a royal city after the death of sultan Abdul Samad. The effect of this situation is most of the historic monuments suffer from destruction. This study uses qualitative methods with emphasis on document analysis. The result of research show that Sultan Abdul Samad as a leader, active in administration and contributed the idea of the state of Selangor especially at Jugra. The decision to accept British intervention in the state of selangor has brought great changes in the development of Jugra. Overall, this study is important to highlight the role of Sultan

Abdul Samad throughout as a leadership of Selangor administration by focusing on Jugra. This study contributed significantly to the development of Jugra as a historic city. Through this study will help the local community to better understand the role of Almarhum Sultan Abdul Samad in the history of Jugra's glory.

Keywords: *Sultan Abdul Samad, Tengku Kudin, Jugra, British Resident*

Pengenalan

Dalam undang-undang tubuh negeri Selangor, Raja Muda adalah yang paling layak diangkat sebagai Sultan. Justeru itu, atas sebab tersebut Tengku Ampuan Basik melantik anakandanya iaitu Raja Mahmud sebagai pewaris takhta kerajaan Selangor selepas kemangkatan ayahandanya. Walau bagaimanapun tindakan tersebut mendapat tentangan kerana usia Raja Mahmud yang terlalu muda malah tiada bukti kukuh yang menunjukkan baginda telah dilantik ke jawatan Raja Muda semasa pemerintahan ayahandanya. Berdasarkan kepada kedudukan Raja Abdul Samad nama baginda telah dicadangkan sebagai Sultan Selangor oleh Raja Jumaat. Cadangan tersebut mendapat sokongan beberapa orang Orang Besar Daerah (OBD) Selangor, antaranya Dato Aru, Dato Penggawa Permatang, Dato Jeram, Raja Abdullah dan Raja Arfah. Bertitik tolak daripada tindakan tersebut Raja Abdul Samad diangkat darjatnya sebagai Sultan Selangor ke-4 dengan gelaran Sultan Abdul Samad. Setelah dilantik sebagai sultan, baginda memutuskan untuk terus bersemayam di Kuala Langat dan membina istana kediaman di Jugra.

Latar Belakang


Pentadbiran Sultan Abdul Samad bermula pada tahun 1859 hingga 1898. Baginda memilih Jugra sebagai pusat pentadbiran negeri Selangor setelah dilantik sebagai sultan. Peralihan pusat pentadbiran dibuat setelah perlantikan baginda menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan OBD negeri Selangor. Pemilihan Jugra sebagai pusat pentadbiran menggantikan Kuala Selangor adalah kerana kedudukannya yang berhampiran strategik dan menghadap perairan Selat Melaka. Selat Melaka adalah laluan utama kepada sampan, perahu dan tongkang yang membawa bijih timah dari Kajang, Hulu Langat dan Semenyih. Kapal-kapal tersebut perlu singgah di Jugra untuk membayar cukai, secara tidak langsung dapat memberi keuntungan kepada Sultan Abdul Samad. Pemerintahan Sultan Abdul Samad di Jugra dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap awal semasa baginda dilantik sebagai sultan Selangor tahap kedua adalah semasa baginda mengistiharkan Jugra sebagai pusat pentadbiran dan tahap ketiga adalah perkembangan Jugra sebagai sebuah pusat pentadbiran.

Tahap awal adalah perlantikan Raja Abdul Samad sebagai sultan Selangor menggantikan alamahrum Sultan Muhammad. Pemilihan Raja Abdul Samad sebagai sultan Selangor adalah berdasarkan kepada kedudukan dan keupayaan baginda dalam pentadbiran. Tahap kedua pentadbiran sultan Abdul Samad apabila baginda mengalihkan pusat pentadbiran negeri yang sebelum ini terletak di Kuala Selangor ke Jugra yang terletak di Kuala Langat. Peralihan pusat pentadbiran telah membawa kepada perkembangan peranan Jugra. Tahap ketiga, Jugra telah berkembang sebagai sebuah daerah yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur.



Gambar 1. Sultan Abdul Samad yang juga dikenali sebagai 'Marhum Jugra'.
Sumber: Arkib Negara Malaysia 2001/0022913.

Secara amnya, tempoh pemerintahan Sultan Abdul Samad di Selangor boleh ditinjau dari tiga tahap.



Rajah 1. Pemerintahan Sultan Abdul Samad mengikut tahap

Tahap Awal

Tahap awal pentadbiran Sultan Abdul Samad diwarnai dengan pelbagai konflik dalaman. Perlantikan baginda sebagai Sultan Selangor tidak mendapat sokongan oleh sebahagian besar golongan istana terutamanya Tengku Ampuan Basik dan pengikutnya. Hal ini kerana tindakan tersebut telah menafikan hak Raja Mahmud yang juga anak gahara kepada almarhum Sultan Muhammad. Walau bagaimanapun tindakan tersebut tidak dapat menghalang kuasa beberapa orang OBD yang mempunyai pengaruh besar dalam kerajaan Selangor antaranya adalah Raja Jumaat dan Raja Abdullah. Atas pengaruh dan kuasa yang dimiliki oleh Raja Jumaat cadangan untuk melantik Raja Abdul Samad diteruskan. Baginda ditabalkan sebagai sultan Selangor semasa upacara pengebumian almarhum Sultan Muhammad.

Pentadbiran Sultan Abdul Samad juga diwarnai dengan konflik perang saudara antara Raja Abdullah dengan Tengku Kudin. Apabila perang Klang tercetus pada tahun 1867 Sultan Abdul Samad bersemayam di Kuala Langat dan tidak menyebelahi mana-mana pihak (Swettenham 1955). Namun perang yang tercetus memberi kesan positif kepada pentadbiran Sultan Abdul Samad sebagai penguasa di Kuala Langat. Hal ini kerana bijih timah tidak dapat di bawa keluar melalui Sungai Klang malah terpaksa di bawa keluar dengan melalui Sungai Langat. Secara tidak langsung memberi keuntungan percukaian kepada baginda (C.O 273/94, Robinson kepada Hicks-Beach, 18.6.1878. Encl.2). Walau bagaimanapun perang tersebut turut memberi kesan negatif kepada pentadbiran Sultan Abdul Samad kerana melibatkan kerabat diraja Selangor.

Akibat daripada tindakan Raja Mahadi yang semakin sukar dikawal, Sultan Abdul Samad bertindak memutuskan tali pertunangan puterinya dengan Raja Mahadi. Raja Atfah telah dijodohkan dengan kerabat diraja dari Kedah iaitu Tengku Dziauddin (Tenku Kudin) pada tahun 1867. Sultan Abdul Samad menggunakan sepenuhnya kelebihan yang ada pada Tenku Kudin dengan melantik beliau sebagai wakil mutlak baginda dalam pentadbiran dan diperkukuhkan melalui penganugerahan *surat kuasa*. Walaupun tindakan tersebut mendapat tentangan khususnya daripada putera baginda kerana melantik orang luar memegang jawatan penting. Namun baginda memiliki ketegasan yang tersendiri dan beranggapan pertelingkahan tersebut perlu diselesaikan oleh orang luar bagi mengelakkan keputusan yang berat sebelah. Dengan pengalaman dan pengaruh yang dimiliki oleh Tenku Kudin, beliau telah meminta bantuan ketenteraan daripada Pahang, British dan Kedah. Melalui strategi yang diatur Tenku Kudin berjaya menghalau Raja Mahadi daripada Klang dan mewujudkan semula ketenteraman dalam negeri Selangor (Straits Settlement Record, F. 7, Kudin to Governor 27.7.1872). Perlantikan Tenku Kudin sebagai wakil sultan jelas menunjukkan Sultan Abdul Samad adalah seorang yang befikiran terbuka. Perang saudara yang berlanjutan dapat diselesaikan tanpa penglibatan baginda malah Negeri Selangor turut menerima kehadiran British atas nasihat serta cadangan Tenku Kudin. Kepercayaan baginda terhadap menantunya telah membantu baginda membangunkan Negeri Selangor khususnya pusat pentadbiran yang terletak di Jugra.


Dalam tahap awal jelas memperlihatkan kewibawaan pentadbiran Sultan Abdul Samad setelah dilantik sebagai pemimpin tertinggi kerajaan Selangor. Baginda berjaya mengawal pergolakan dalam negeri dengan melantik menantunya sebagai wakil dalam pentadbiran. Tindakan tersebut dapat mengelakkan keputusan yang berat sebelah memandangkan Tengku Kudin bukan kerabat diraja Selangor. Ketegasan baginda dalam pentadbiran terbukti dengan mengendahkan kritikan dan cadangan sebahagian besar OBD teramasuklah putera-puteranya yang tidak bersetuju dengan keputusan baginda melantik Tengku Kudin sebagai wakil dalam pentadbir.

Tahap kedua

Tahap kedua dalam pentadbiran Sultan Abdul Samad adalah peralihan pusat pentadbiran Negeri Selangor dari Kuala Selangor ke Jugra. Terdapat beberapa faktor pendorong yang membawa kepada keadaan ini antaranya, Jugra adalah sebahagian daripada daerah Kuala Langat yang diwarisi daripada ayahandanya. Setelah dilantik sebagai sultan Selangor baginda terus bersemayam di Kuala Langat. Faktor kedua, perlantikan baginda sebagai sultan mendapat tentangan sebahagian besar golongan istana maka Kuala Selangor tidak sesuai dijadikan sebagai pusat pentadbran. Bertitik tolak daripada keadaan tersebut Jugra dipilih sebagai tempat bersemayam dan memulakan pentadbiran.

Pemilihan Jugra sebagai pusat pemerintahan adalah berdasarkan cadangan kerajaan British setelah melihat kedudukan strategik kawasan tersebut. Kedudukan Jugra yang berhampiran dengan selat Melaka memudahkan perhubungan dan aktiviti jual beli bijih timah dijalankan. Keadaan tersebut menyumbang kepada hasil pendapatan kerajaan tempatan dan negeri. Jugra yang sememangnya telah diterokai memberi kelebihan kepada pentadbiran Sultan Abdul Samad. Walaupun kawasan tersebut tidak menyumbang kepada hasil galian seperti bijih timah namun kesuburan tanah dikawasan tersebut telah menyumbang kepada perkembangan pertanian dan hasil hutan. Keadaan tersebut telah membawa kepada perkembangan ekonomi Jugra melalui aktiviti eksport.

Selain itu, pemilihan Jugra bertitik tolak kepada keadaan semula jadi kawasan tersebut. Kedudukannya yang tinggi membolehkan baginda mengawal pergerakan kapal dagang yang keluar masuk melalui Selat Melaka. Berdasarkan kepada beberapa ciri yang telah diuraikan maka tidak hairanlah Jugra dijadikan sebagai pusat pentadbiran Negeri Selangor antara tahun 1857 hingga 1903. Keinginan baginda untuk bersemayam di Jugra setelah dilantik sebagai sultan sudah semestinya setelah membuat pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira potensi kawasan tersebut sebagai sebuah pusat pentadbiran yang baru.



Peta 1. Kedudukan Jugra Dalam Peta Negeri Selangor
Sumber: Yusof Hashim 1983

Tahap Ketiga

Pada tahap ketiga, penglibatan Sultan Abdul Samad dalam pentadbiran semakin jelas dan peranan Jugra semakin berkembang dengan adanya campur tangan British. Penguasaan British di Selangor bermula pada tahun 1874 setelah baginda mengadakan perbincangan dengan Sir Andrew Clark (Gabenor NNS 1873-1875). Campur tangan British dalam negeri Selangor mendapat perkenan daripada baginda dengan harapan Jugra dapat mencapai kemajuan ekonomi, politik dan sosial. Jugra yang dijadikan sebagai tempat bersemayam sultan telah menjadi keutamaan dalam aspek penyediaan infrastruktur dan pembangunan sosial. Perkembangan Jugra sebagai pusat pentadbiran moden dalam negeri Selangor adalah disumbangkan oleh peranan penting Sultan Abdul Samad sebagai pemimpin tertinggi (Strait times, 10 February 1898, SSF 1068/99, A star of the order of St. Michael and St. George of the Late Sultan Abdul Samad, CO Selangor 439/2, Selangor Administration Report for the year 1898). Berdasarkan sumber primer, campur tangan British dimanfaatkan sepenuhnya oleh Sultan Abdul Samad walaupun pada awalnya baginda sendiri tidak menyenangi penempatan Residen di Selangor kerana cuba mengawal kuasa pentadbiran negeri (J.M. Gullick 1998).

Sultan Abdul Samad adalah seorang pemimpin yang mempunyai pendirian tersendiri. Hal ini jelas dapat dilihat dalam setiap MMNS yang dipengerusikan oleh baginda. Baginda memberi perkenan untuk perkara yang membawa keuntungan kepada negeri dan rakyat serta akan menyuarakan pendapat atau bantahan sekiranya sesuatu perkara memberi beban kepada rakyat dan tidak menyumbang kepada pembangunan negeri terutamanya ketika baginda dilantik sebagai pengerusi MMNS pada tahun 1884 (CO 276/19, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888).

Sebagai contoh, baginda telah menentukan struktur sistem penghulu yang diguna pakai di Selangor (SSF, Langat 2099/1887). Baginda turut mengeluarkan titah agar jawatan *kadi* dalam negeri Selangor tidak perlu diisi sehingga calon yang sesuai diperolehi (SSF, MISC. 228/1886). Setelah campur tangan British dalam negeri Selangor kuasa Sultan Abdul Samad dilihat lebih menonjol khususnya apabila British menempatkan Douglas (Residen yang menggantikan Devidson) di Jugra.

Sepanjang memegang kuasa pentadbiran negeri, didapati Selangor telah mencapai era kemodenan melalui pembinaan beberapa infrastruktur moden dan sistem pentadbiran yang lebih sistematik. Perkembangan ini didorong oleh sumbangan dan peranan penting Sultan Abdul Samad sebagai kuasa tertinggi dalam pentadbiran. Antara pembaharuan yang dilakukan oleh baginda khususnya di Jugra adalah;

a. Penubuhan MMNS

Penubuhan MMNS (Majlis Mesyuarat Negeri Selangor) adalah atas cadangan seorang pegawai British iaitu Hugh Low (Residen Perak). Badan mesyuarat ini berperanan sebagai sebuah badan Legislatif dan Eksekutif iaitu membincangkan segala hal yang berkaitan dengan perundangan negeri. Pelaksanaannya adalah berdasarkan kata sepakat ahli dalam MMNS. Manakala dalam aspek Eksekutif sultan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan titah sama ada seseorang pesalah perlu atau tidak dikenakan hukuman. Penubuhan MMNS turut memperlihatkan ketinggian kuasa sultan, segala perbincangan akan dirujuk terlebih dahulu kepada Sultan Abdul Samad sebelum dibincangkan dalam MMNS dan hasil perbincangan akan dipanjangkan ke peringkat Gabenor British untuk dipersetujui ataupun sebaliknya. Dalam MMNS Sultan Abdul Samad mempunyai kuasa untuk menentukan keahlian dan memperkenan ahli-ahli majlis termasuklah mengeluarkan surat kuasa kepada pembesar agar menghadiri mesyuarat MMNS. Antara yang menerima surat kuasa tersebut adalah seperti Yap Ah Loy (Kapitan China ke-3 1868-1885) mewakili masyarakat Cina, John Pickersegil (wakil pihak British), Raja Bot (wakil kerabat raja Selangor) dan Raja Hassan (Wakil bagi pihak bukan kerabat raja) (SSF 1228/89, Forwards Journal for March 1889).

Kedudukan Sultan Abdul Samad sebagai raja berdaulat turut mendapat penghormatan daripada kerajaan British. Setiap dokumen yang dikeluarkan perlu diletakkan cop mohor baginda sebagai tanda perkenan. Menurut Rodger, Sultan Abdul Samad adalah seorang presiden MMNS yang sangat aktif, perkara tersebut dapat dibuktikan melalui kehadiran baginda yang konsisten dalam setiap persidangan (1486/80 Minute of the 55th meeting of the State Council, Held at Jugra on Saturday, November 27th 1886). Sultan Abdul Samad lebih kerap menghadiri perjumpaan yang diadakan di Kuala Langat berbanding di Kuala Lumpur disebabkan faktor usia dan masa baginda lebih banyak dihabiskan di Jugra. Kehadiran baginda yang begitu komited terutama setelah diangkat sebagai pengerusi memperlihatkan kesungguhan baginda dalam pentadbiran terutamanya untuk melihat Negeri Selangor lebih maju daripada sebelumnya. Di Jugra baginda menghadiri tiga puluh enam perjumpaan daripada lima puluh empat perjumpaan yang berlangsung sekitar tahun 1877-1898. Sultan Abdul Samad mula memainkan peranan penting sebagai pengerusi MMNS pada persidangan ke-37 iaitu pada 2 Septempber 1883 hingga kemangkatan baginda pada tahun 1897. Pihak British turut menghormati kewibawaan Sultan Abdul Samad sebagai sultan Selangor. Memandangkan baginda memilih Jugra sebagai pusat pentadbiran negeri maka sebahagian besar daripada mesyuarat MMNS diadakan di istana baginda yang terletak di Jugra. Sultan mempunyai kuasa untuk memperkenan (*Sultan of Council*) atau menolak setiap cadangan, dalam hal ini perkenan sultan adalah sangat penting untuk memastikan setiap perubahan yang ingin dilaksanakan dapat dicapai (MSC 1486/80/2986, 29th Meeting of Council, Jugra, 11 March 1882). Menurut E. Sadka, MMNS berperanan penting dalam bidang Legislatif dan eksekutif (Emily Sadka 1968). Perkara ini merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan pelantikan penghulu, pemberian elau dan wang pencen, perundangan serta perihal berkaitan golongan raja dan pembesar.

Sepanjang penglibatan baginda dalam MMNS, baginda adalah seorang pemimpin yang berani bersuara. Dalam persidangan MMNS yang ke-16 baginda telah mempersoalkan penjualan candu yang telah tamat tempoh sama ada tindakan tersebut akan mendapat tentangan daripada

kerajaan. Dalam persidangan tersebut Douglas telah menjawab pertanyaan Sultan Abdul Samad dengan menyatakan kerajaan mempunyai kuasa untuk menetapkan harga pasaran candu kepada orang yang menjualnya. Menurut Douglas lagi, harga candu tidak boleh melebihi \$1 per tael dan candu yang dijual perlu megandung 90% keaslian sepertimana yang diimport. Hasil daripada persidangan tersebut baginda telah mencadangkan agar kedai candu diberikan lesen dan pihak kerajaan perlu memantau aktiviti peniaga candu bagi mengelakkan masyarakat terdedah kepada candu tiruan yang membahayakan kesihatan. Pandangan baginda ternyata mendapat sokongan daripada pegawai British dan anakanda baginda iaitu Raja Musa dan Raja Kahar. Perkara-perkara yang dibincangkan sepanjang penglibatan baginda dalam MMNS adalah seperti isu tanah, lesen, cukai, pemberian pencen, perlantikan pegawai dan pemberian elaun kepada pegawai. Malah Sultan Abdul Samad sebagai pemimpin tertinggi berusaha untuk mengikuti medium pentadbiran pihak British agar rakyat baginda mendapat kemudahan yang mendatangkan manfaat kepada kehidupan mereka.

Semasa mempengerusikan MMNS isu tanah adalah antara yang diberi penekanan. Sultan Abdul Samad turut menjayakan Peraturan Kod Tanah Baru 1891, dengan harapan dapat memberi galakkan kepada penduduk Jugra agar melibatkan diri dalam pertanian (MSC 1486/80/2986, 29th Meeting of Council, Jugra 11 March 188). Sultan Abdul Samad akan memberi pinjaman sebanyak \$3000 kepada penduduk kampung yang berhasrat mengusahakan pertanian di Kuala Langat (CO 469/3 Report on Kuala Langat District for the year 1892). Perkara ini secara langsung dapat memberikan peluang kepada rakyat yang mengalami kekurangan modal untuk melibatkan diri dalam pertanian. Malah Sultan Abdul Samad tidak menyenangi kod peraturan tanah yang diperkenalkan oleh pihak British dan beranggapan perkara tersebut membebankan rakyat. Bagi mengatasi masalah tersebut baginda bertitah agar penduduk Jugra yang mempunyai masalah untuk mengusahakan pertanian agar meminta bantuan daripada baginda, penghulu dan kerajaan negeri. Tindakan tersebut menunjukkan kesungguhan baginda untuk mengubah kehidupan masyarakat Jugra ke arah yang lebih baik (Yusof Hashim 1983).

b. Perkembangan Pertanian

Berlaku perkembangan dalam bidang pertanian dibawah pentadbiran Sultan Abdul Samad. Selain memberi galakan dan bantuan kepada rakyat untuk mengusahakan pertanian baginda juga terlibat secara langsung dalam mengusahakan tanah-tanah pertanian di Jugra. Keadaan tersebut secara langsung dapat memupuk minat penduduk tempatan untuk sama-sama mengusahakan aktiviti pertanian.

Jadual 1. Keluasan perkembangan pertanian di Selangor 1883 hingga 1888

Tahun	Kuala Lumpur	Klang	Kuala Langat	Hulu Langat	Kuala Selangor	Hulu Selangor	Jumlah
1883	2700	2500	1000	900	1500	40	9040
1884	4492	3290	1585	1500	2000	837	13704
1885	5606	5000	1826	3506	2510	885	19333
1886	2862	2655	4503	3588	2371	1123	17403
1887	3502	4525	5071	4086	2824	1853	21861
1888	4242	5217	5468	4649	3800	2047	25423

Sumber: CO 275/30, Annual Report on the state of Selangor for the year 1884, CO 275/31, Annual Report on the state of Selangor for the year 1885 dan CO 439/1, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888.

Jadual 1 di atas menunjukkan keluasan perkembangan pertanian di Selangor pada tahun 1883 hingga 1888. Kuala Langat, Hulu Langat dan Hulu Selangor mencatatkan peningkatan pembukaan kawasan tanah pertanian sepanjang tahun berbanding kawasan lain dalam negeri Selangor seperti Kuala Lumpur, Klang dan Kuala Selangor. Pada tahun 1886 hingga 1888 Kuala

Langat mendahului semua kawasan dalam negeri Selangor dalam pembukaan kawasan pertanian. Hal ini didorong oleh usaha Sultan Abdul Samad yang memberikan sepenuh sokongan dan galakan kepada rakyatnya untuk mengusahakan pertanian. Kemerosotan pembukaan tanah pertanian di kawasan Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh pentadbiran British di kawasan tersebut lebih tertumpu kepada perkembangan bidang industri manakala kemerosotan di kawasan Klang disebabkan oleh perang saudara yang tercetus diantara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah. Secara keseluruhan jumlah pertumbuhan kawasan pertanian di Kuala Langat sepanjang enam tahun tersebut adalah sebanyak 19453 hektar pebezaan sebanyak 3915 hektar dengan Kuala Lumpur yang ditadbir oleh kerajaan British (MSC 1486/80/2986, 29th Meeting of Council, Jugra, 11 March 1882). Perkembangan pertanian semasa pentadbiran Sultan Abdul Samad didorong oleh kebijaksanaan baginda. Bagi menggalakkan rakyat mengusahakan pertanian baginda telah memberi kelonggaran kepada penduduk luar bandar untuk mengusahakan pertanian tanpa perlu membayar cukai tanah selama lebih kurang 3 tahun berkuat kuasa pada 1 Januari 1884 (CO 275/30 Annual Report on the state of Selangor for the year 1884).

c. Perkembangan Kesihatan

Pada tahun 1881 Jabatan Kesihatan telah dicadangkan penubuhannya oleh Douglas. Selepas mendapat persetujuan kerajaan British dan perkenan Sultan Abdul Samad, Jabatan Kesihatan ditubuhkan di Selangor termasuklah Jugra. Penubuhan jabatan kesihatan adalah sebagai langkah awal kepada penjagaan kesihatan dengan matlamat utamanya mewujudkan persekitaran yang bersih. Melalui penubuhan Jabatan Kesihatan penyakit seperti Disentari, Diarea dan Malaria dapat dicegah dengan lebih awal dengan pemberian suntikan vaksin (SSF MISC 105/82, Accepts Appt. Off Resident Surgeon in Selangor).

Perkembangan penjagaan kesihatan yang berlaku dalam era pemerintahan baginda, membuktikan baginda adalah seorang pemimpin yang mementingkan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyatnya. Bagi tujuan tersebut Pada 15 Mac 1889 Dr. Welch telah datang ke Jugra untuk menjalankan suntikan vaksin. Pada awalnya timbul salah faham antara pegawai yang bertugas dengan sultan Abdul Samad, dikatakan bahawa baginda tidak memberikaan kerjasama yang baik dalam penyuntikan vaksin kerana tidak mengeluarkan arahan kepada rakyatnya untuk mendapatkan suntikan tersebut (SSF 1228/89, Forwards Journal for March 1889). Hakikatnya Sultan Abdul Samad sebenarnya tidak mendapat maklumat berkaitan dengan kedatangan Dr. Welch ke Kuala Langat. Secara umumnya pemimpin tempatan menyokong pelaksanaan pemberian vaksin. Ini diperkukuhkan dengan laporan Dr. Sinclair yang menyatakan pada tahun 1887, setiap penghulu di Selangor termasuklah Raja Abdullah memohon ubat-ubatan daripada kerajaan kesihatan dan turut memberi galakan kepada penduduk untuk mendapatkan suntikan vaksin sepanjang menerajui pentadbiran Selangor, Sultan Abdul Samad sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat (SSF 564/88, Annual Medical Report for the year 1887).

Selain itu, hal ini dapat dilihat melalui tindakan baginda yang memperkenalkan setiap pembaharuan yang diperkenalkan oleh pihak British. Sebagai contoh, dalam aspek sosial baginda memperkenalkan penubuhan Lembaga Kesihatan dikebanyakkan daerah dalam Negeri Selangor untuk kepentingan rakyat antaranya adalah di Klang (LKK), Lembaga Kesihatan Hulu Selangor (LKHS), Lembaga Kesihatan Rawang dan Serendah (LKRS) dan Lembaga Kesihatan Kuala Langat (LKKLGT) (Sanitary Board, 14 May 1890. Straits Times, Weekly Issue, 17 September 1890, CO 469/2, Appointment, 2 August 1892). Di peringkat awal pengenalan institusi kesihatan moden ini tidak mendapat sebutan daripada masyarakat tempatan khususnya di Jugra kerana masyarakat tradisional pada waktu tersebut mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap

perubatan tradisional dan perkhidmatan dukun kampung. Walau bagaimanapun dengan penglibatan dan galakan daripada golongan istana akhirnya rakyat tempatan dapat menerima pelaksanaan sistem kesihatan moden yang diperkenalkan oleh kerajaan (SSF 564/88, Annual Medical Report for the year 1887).

Bagi membuktikan sokongan baginda terhadap peubatan moden, baginda sendiri menerima rawatan daripada Dr. Janz iaitu pegawai perubatan barat. Melalui surat Innes yang bertarikh 23 April 1881, pada waktu tersebut Sultan Abdul Samad mengalami sakit dan setelah diperiksa didapati penyakit baginda adalah tidak membahayakan (SSF Kuala Langat 160/81 Reporting the Sultan Illness). Berdasarkan kepada keadaan ini ianya dapat memupuk sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap sistem kesihatan moden.

d. Perkembangan Sistem pendidikan Moden.

Selain itu, Sultan Abdul Samad berperanan penting dalam menggalakkan masyarakat Kuala Langat agar menghantar anak-anak mereka menerima pendidikan di sekolah-sekolah yang telah disediakan oleh kerajaan British. Usaha tersebut turut mendapat sokongan beberapa OBD antaranya adalah Raja Basok, Raja Nusa dan Raja Yusuf dengan turut sama memberi galakan kepada masyarakat Kuala Langat agar menerima pendidikan di sekolah-sekolah yang telah disediakan. Raja Yusuf dan Raja Nala turut mendaftarkan diri sebagai pelajar di sekolah yang di sediakan oleh pihak British. Penglibatan golongan istana dalam pendidikan barat memberi keyakinan dan kepercayaan kepada masyarakat tempatan untuk menghantar anak-anak mereka (SSF 960/85, Enclosing a Letter from Raja Mahmud with Reference).

Jadual 2. Pembinaan sekolah mengikut daerah dan bilangan pelajar yang mendaftarkan diri pada tahun 1895.

Daerah	Bangsa	Bil. Yang Mendaftar	Kehadiran	Lawatan Peg. British
Klang	Melayu	41	32	1
Kuala Langat	Melayu	39	35	1
Bandar	Melayu	59	40	1

Sumber: Selangor Government Gazette, Volume VI Dec 1895, 2007/0000006.

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas perbezaan jumlah kehadiran pelajar dengan jumlah pelajar yang mendaftarkan diri adalah sangat kecil. Sebagai contoh di Kuala Langat jumlah pelajar yang mendaftarkan diri adalah sebanyak 39 orang, manakala jumlah kehadiran adalah sebanyak 35 orang dengan jumlah pelajar yang tidak hadir adalah sebanyak 4 orang sahaja. Keadaan ini membuktikan adanya sambutan yang baik dalam kalangan penduduk tempatan terhadap sistem pendidikan yang diperkenalkan. Kepentingan pendidikan juga sangat ketara terutamanya di mukim Bandar apabila ia mencatat 99% kehadiran berdasarkan kepada jumlah yang mendaftarkan diri.



Gambar 2. Sekolah Perempuan di Kuala Langat.
Sumber: CO 469/3 Report on Kuala Langat District for the year 1892

e. Perkembangan Keselamatan

Peranan pihak British di Jugra bukan sahaja menyediakan infrastruktur untuk penduduk tempatan, malah turut menitik beratkan soal keselamatan. Dalam tahun 1889 dapat dilihat apabila jumlah balai polis yang dibina menjangkau 29 buah dengan bilangan anggotanya adalah sebanyak 490 orang yang terdiri daripada 362 orang Melayu dan juga 128 orang Sikh. Sepanjang tahun 1882-1889 penguasa polis adalah Siyers. Dalam laporan pegawai British menyatakan kadar jenayah di Jugra pada tahun-tahun sebelumnya adalah sangat sedikit manakala jenayah-jenayah serius pula sukar didapati (SSF RESIDENT, Annual Report of the supt. Of police for the year 1881, SSF 332/84, Annual Report of Supt. Of police for the year 1883). Pembangunan infrastruktur untuk kemudahan penduduk Jugra turut mendapat kerjasama yang baik daripada pemimpin tempatan. Antaranya adalah, Sultan Abdul Samad turut terlibat dalam pembinaan denai yang menghubungkan istana baginda dengan Permatang Pasir pada tahun 1880. Baginda telah menyumbang sebanyak \$1,169.80 (SSF P.W.D. 290/80, Memo of Payments made on behalf of H. H. the roads at Jugra). Raja Muda Musa bersama pengikutnya pula melaksanakan pembinaan denai di sepanjang kawasan Bandar. Manakala Raja Kahar melaksanakan pembinaan denai di Kajang pada tahun 1888 (SSF 296/81, Informing the Resident that he has spoken to the people about the road at Kajang).

Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian ini mendapati perkembangan Jugra bermula dengan peranan yang disumbangkan oleh Sultan Abdul Samad. Tindakan baginda dalam memperkenalkan Jugra sebagai pusat pentadbiran telah mengubah kawasan tersebut. Perkembangan Jugra semakin mencapai kegemilangan dengan adanya campur tangan British dalam pentadbiran Negeri Selangor. Keadaan ini jelas menunjukkan Sultan Abdul Samad adalah seorang pemimpin yang aktif dengan sentiasa memberikan pandangan dan pendapat dalam mesyuarat MMNS. Keputusan baginda untuk menerima campur tangan British dalam kerajaan telah membawa kemajuan dalam Negeri Selangor khususnya pusat pentadbiran yang berpusat di Jugra. Tindakan Sultan Abdul Samad memberi perkenan kepada setiap perancangan pihak British bukan kerana baginda tunduk kepada kuasa besar tersebut namun ia dibuat setelah mengambil kira kepentingan perubahan tersebut untuk membangunkan negeri dan

rakyat. Kenyataan ini adalah berasas apabila sepanjang campur tangan British, Jugra bukan sahaja mencapai kemajuan dalam aspek infrastruktur seperti pembinaan jalan raya yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Kuala Lumpur dan Klang malah taraf hidup penduduk tempatan bertambah baik melalui pengenalan institusi kesihatan dan pendidikan moden.

Rujukan

Sumber Pertama

- 1486/80 Minute of the 55th meeting of the State Council, Held at Jugra on Saturday, November 27th 1886
 C.O 273/94, Robinson kepada Hicks-Beach, 18.6.1878. Encl.2
 CO 275/30, Annual Report on the state of Selangor for the year 1884.
 CO 275/31, Annual Report on the state of Selangor for the year 1885
 CO 276/19, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888.
 CO 439/1, Annual Report on the state of Selangor for the year 1888.
 CO 439/1, Selangor Administration Report for the Year 1898
 CO 469/2, Appointment, 2 August 1892.
 CO 469/3 Report on Kuala Langat District for the year 1892
 CO Selangor 439/2, Selangor Administration Report for the year 1898.
 MSC 1486/80/2986, 29th Meeting of Council, Jugra, 11 March 1882
 MSC 1486/80/2986, 49th (44th) Meeting of Council Held at Jugra on Saturday September 12th.
 Sanitary Board, 14 May 1890. Straits Times, Weekly Issue, 17 September 1890.
 Selangor Government Gazette, Volume VI Dec 1895, 2007/0000006.
 SSF 1228/89, Forwards Journal for March 1889.
 SSF 296/81, Inform the Resident that he has spoken to the people about the road at Kajang.
 SSF 332/84, Annual Report of supt of police for the year 1883.
 SSF 564/88, Annual Medical Report for the year 1887.
 SSF 960/85, Enclosing a Letter from Raja Mahmud with Reference
 SSF Kuala Langat 160/81 Reporting the Sultan Illness
 SSF MISC 105/82, Accepts Appt. Off Resident Surgeon in Selangor
 SSF P.W.D. 290/80, Memo of Payments made on behalf of H. H. the roads at Jugra.
 SSF RESIDENT, Annual Report of the supt. Of police for the year 1881
 SSF, Langat 2099/1887
 SSF, MISC. 228/1886
 Strait times, 10 February 1898, SSF 1068/99A Star of the order of St. Michael and St. George of the
 Late Sultan Abdul Samad.
 Straits Settlement Record, F. 7, Kudin to Governor 27.7.1872

Sumber Kedua

- Emily Sadka. 1968. *The protected Malay States, 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
Malay Mail. 14 November 1902.
 Gullick, J.M. 1998. *A history of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press Sdn. Bhd.
 Yusof Hashim. 1983. *Jugra dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Tra-tra Publishing.
 Swettenham, F. 1955. *British Malaya: An account of the origin and progress of British influence in Malaya*.
 London: T. Lane.

UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: www.jannah22@yahoo.com.my

Adnan Jusoh (PhD)
Prof. Madya
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my